
**INTERTEKSTUALITI
DALAM
NOVEL
S. OTHMAN
KELANTAN**

TUAN RUSMAWATI RAJA HASSAN

Hak Cipta PENERBIT UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.



Penerbit Eksekutif: Azman Hashim. Editor Naskhah: Amirul Firdaus Zilah,
Raihana Sulaiman. Editor Perolehan: Nur Fatihah Pahazri
Konsep dan Susun Atur Huruf: Fatinah Ilias. Pembaca Pruf: Zaliha Noor
Pembantu Teknikal: Mohd Suhairi Mohamad

Diterbitkan oleh:
Penerbit UMK
Universiti Malaysia Kelantan
Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu, Kelantan
(Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM))
(Ahli Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) No. Keahlian : 201903)

Dicetak oleh:

Buku ini didedikasikan kepada insan yang melahirkan dan mengajarku erti hidup, Rokiah Ishak, penguat semangatku untuk terus berlari, Raja Hassan Tengku Lega, pasangan yang menerima apa adanya, Nik Arif Suffian Nik Mod, buah hati pengarang jantungku, Nik Harith Danial, Nik Qaireen Irdina, Nik Qaisara Adnin dan Nik Qisyah Aaira. Tidak terlupakan inspirasiku dalam mandala kesusasteraan, Prof. Madya Dr. Mawar Safei. Terima kasih atas doa dan semangat kalian. Tanpa doa dan restu kalian serta keizinan dari-Nya, aku bukan siapa-siapa. Semoga Allah terus merahmati.

KANDUNGAN

Senarai Jadual dan Rajah	ix
Kata Pengantar	xi
Prakata	xv
BAB 1	
TRADISI KESUSASTERAAN MELAYU	
Peletakan Sebagai “Bapa Kesusasteraan Melayu Moden”	2
Sejarah Perkembangan Novel dan Intertekstualiti	3
Rumusan	3
BAB 2	
TEORI INTERTEKSTUALITI	
Konsep dan Sejarah Perkembangan	5
Fahaman Julia Kristeva	6
Prinsip-prinsip Intertekstualiti	8
Intertekstualiti dalam Novel S. Othman Kelantan	16
Rumusan	17
BAB 3	19
KONFLIK SOSIAL DALAM ANGIN TIMUR LAUT	
Dari Cerpen “Angin Timur Laut” Ke Novel Angin Timur Laut	23
Rumusan	47
BAB 4	49
CERMINAN POLITIK KELANTAN DALAM JUARA	
Dari Cerpen “Pahlawan Lembu” ke Novel Juara	53
Tafsiran Sejarah dan Politik	54
Penyesuaian Hiperteks	67
Rumusan	73

BAB 5	75
ILMU DAN ANUTAN DALAM USTAZ	
Dari Cerpen “Ustaz” ke Novel Ustaz	77
Islam Sebagai Mauduk	79
Rumusan	113
BAB 6	115
NOVEL INTERTEKSTUAL MELAYU DAN KREATIVITI	
S. OTHMAN KELANTAN	
Rumusan	119
Glosari	121
Bibliografi	123
Indeks	133
Biodata Penulis	135

SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Jadual 3.1	Proses Intertekstual dalam <i>Angin Timur Laut</i>	24
Jadual 3.2	Bab-bab dalam <i>Angin Timur Laut</i>	34
Jadual 4.1	Proses Intertekstual dalam <i>Juara</i>	54
Jadual 4.2	Keputusan Pilihanraya Umum 1969	57
Jadual 5.1	Proses Intertekstual dalam <i>Ustaz</i>	78
Rajah 2.1	Dasar Intertekstualiti Julia Kristeva	7
Rajah 2.2	Kerangka Kajian	16
Rajah 3.1	Kedudukan Kampung Sabak	40
Rajah 5.1	Kedudukan Kampung Panchor	108

KATA PENGANTAR

Hanya apabila pembaca telah menyelesaikan pembacaan buku ini, *Intertekstualiti dalam Novel S. Othman Kelantan*, pembaca akan dapat lebih memahami mengapa Tuan Rusmawati Raja Hassan memilih salah satu teori sastera pascamoden untuk menganalisis novel Sasterawan Negara S. Othman Kelantan yang tersohor.

Kaedah memahami dan menghayati sesebuah karya sastera, umpamanya novel, telah mengalami beberapa anjakan sejak beberapa abad yang lalu. Pada peringkat awal sesebuah teks difahami dan dihayati dalam konteks teks itu sahaja. Teks itulah yang bercerita, menyampaikan amanat dan dalam masa yang sama menawarkan pengalaman intelektual serta pengalaman seni yang baharu kepada khalayaknya. Bagaimanapun pendekatan ini kemudiannya berkembang kepada pencarian hubungan pengalaman pengarang terhadap teks yang dihasilkannya, termasuk sumber naratifnya, pemikiran dan falsafahnya. Anjakan ini menemukan kita dengan pelbagai teori sastera kontemporari yang disantuni khususnya oleh para pengkaji sastera yang memiliki latar belakang akademik di institusi pengajian tinggi khususnya.

Teori sastera telah diasaskan pada zaman Yunani kuno melalui tokoh-tokoh pemikir dan falsafahnya seperti Plato, Aristotle, Longines, Horace dan Socrates. Kemudian teori sastera terus berkembang mengikut zaman, lalu muncul teori sastera tradisional yang antara lain menekankan aspek filologi, kritikan teks dan kaedah kodikologi. Ini diikuti teori sastera moden seperti formalistik, moral, sejarah, sosiologi, psikologi dan estetik. Teori-teori sastera moden itu, yang kemudian disusuli dengan teori sastera pascamoden, diajar di kuliah-kuliah sastera di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Bagaimanapun dalam konteks kesarjanaan di Malaysia, mulai awal 1970an timbul kesedaran serta kesungguhan beberapa sarjana sastera tempatan untuk membentuk dan merumuskan teori sastera tempatan, yang dengan langkah tersebut telah memperkaya teori sastera. Sungguhpun

teori-teori sastera tempatan ini mula dikaji dan diterapkan dalam kajian sastera, medannya masih di peringkat domestik, agak sukar untuk melawan populariti teori-teori sastera pascamoden.

Teori-teori sastera pascamoden mempunyai senarai yang panjang: strukturalisme, semiotik, dialogisme, intertekstualiti, dekonstruksi, stilistik, psikoanalisis lacan, pascastrukturalisme, revisionism, sosiologi sastera, resepsi, hermeneutik, fenomenologi, arketaip, historisisme baharu, budaya, pascakolonialisme, ekologi dan sebagainya.

Dalam buku ini Tuan Rusmawati Raja Hassan memilih salah satu teori sastera pascamoden iaitu intertekstualiti, yang dikembangkan daripada teori dialogik Bakhtin untuk menganalisis novel-novel S. Othman Kelantan iaitu *Angin Timur Laut*, *Juara*, *Ruang Perjalanan* dan *Ustaz*. Pemilihan teori intertekstualiti mempunyai rasionalnya dan terasa kewajarannya dalam menganalisis novel-novel tersebut.

Dialogisme Bakhtin memberi pengaruh besar dalam aspek penciptaan karya sastera dan kritikan sastera, yang boleh dikatakan menjadi induk kepada intertekstualiti, transformasi dan sosiologi sastera. Menurutnya, setiap wacana, suara atau luahan dalam karya seni termasuk sastera, sebenarnya mempunyai hubungan dengan wacana, suara atau luahan yang telah wujud sebelumnya. Dengan ayat yang lain, wujud saling keterikatan antara sebuah karya dengan karya yang lain.

Intertekstualiti, melalui tokoh pemukanya Julia Kriteva, mengukuhkan pendapat Bakhtin bahawa setiap karya terbina hasil daripada pengambilan, inspirasi atau transformasi karya-karya lain. Ini bererti dalam setiap karya terkandung pelbagai teks, elemen pembina cereka pula dapat dihubungkaitkan dengan elemen luaran seperti sejarah, budaya, agama dan lain-lain, serta dapat dinilai keseimbangan unsur dalaman dan luaran pada teks-teks tersebut. Inilah yang antara lain dilakukan dengan cukup berkesan oleh Tuan Rusmawati Raja Hassan ketika menganalisis *Angin Timur Laut*, *Juara*, *Ruang Perjalanan* dan *Ustaz* karya S. Othman Kelantan.

Buku ini memberi gambaran yang menyeluruh dan agak terperinci tentang kreativiti S. Othman Kelantan menghasilkan empat buah novelnya melalui teori intertekstualiti, yang antara lain melibatkan hubungan antara teks asalnya sendiri (cerpen) dan ketekalan pengarangnya terhadap proses mengutip, menyerap dan mentransformasi teks lain ke dalam karya-karyanya.

Adunan karya-karyanya yang berpaksi intertekstualiti turut menggambarkan pegangan serta konsep kepengarangan S. Othman Kelantan. Wacana dalam buku ini turut menghubungkaitkan intertekstualiti dengan pengalaman pengarangnya dari latar belakang sejarah, budaya setempat, agama, pendidikan dan kerjayanya, pembacaannya, imaginasinya, ideologinya terhadap politik, emosi dan pemikirannya.

Dengan cakupan wacana yang sedemikian rapi, pembaca buku ini nanti bukan sahaja dapat menghayati dengan jelas empat buah novel yang dijadikan teks pembicaraan melalui analisis intertekstualiti, malahan dapat memahami konsep serta falsafah kepengarangan S. Othman Kelantan sebagai salah seorang novelis besar tanah air kita.

Dato' Dr. Anwar Ridhwan

Sasterawan Negara

PRAKATA

Buku ini menumpukan pemerhatian terhadap hubungan dan proses antara teks dalam penghasilan novel Melayu. Hubungan dan proses itu dikaitkan dengan intertekstualiti iaitu fenomena wujudnya teks dalam sebuah teks atau apa yang dinamakan dialog antara teks. Kerangka kajian ini memanfaatkan gagasan oleh Julia Kristeva. Rumus intertekstual tersebut membentangkan hubungan antara hipoteks (*cerpen*) dengan hiperteks (*novel*) bagi melihat makna, proses yang diajukan dan kewajaran ia dilakukan pengarang. Kajian ini merujuk kepada kepengarangan S. Othman Kelantan yang memperlihatkan kecenderungan dan ketekalan terhadap karya-karya yang bersifat intertekstual.

Empat novelnya yang difokuskan ialah *Angin Timur Laut*, *Juara*, *Ruang Perjalanan* dan *Ustaz*. Kajian menemukan bahawa dalam kerangka intertekstualiti, kepengarangan S. Othman Kelantan memperagakan kesetiaannya terhadap teks awal dalam genre cerpen yang kemudian dikembangkan menjadi novel. Ini berlaku ke atas *Angin Timur Laut* dan *Ustaz* yang bersumberkan cerpen daripada judul yang sama. Sementara *Ruang Perjalanan* dikembangkan daripada cerpen “Aku dan Anakku” dan *Juara* daripada cerpen “Pahlawan Lembu”. Langgam kepengarangan S. Othman Kelantan menunjukkan sensitivitinya mengadun pengalaman sosial ke dalam *Angin Timur Laut*. Begitu juga sensitifnya pengarang terhadap cuaca politik semasa; keyakinan dan ideologinya dibancuh sama secara metaforikal dalam *Juara*. Latar peribadi dan pendidikan Islami yang dianuti S. Othman Kelantan pula sangat mempengaruhi pembikinan *Ruang Perjalanan*. Begitu juga kerjaya dalam bidang akademik, turut meletakkan ilmu dalam *Ustaz*.

Kajian ini merumuskan intertekstualnya S. Othman Kelantan bukan sahaja secara fizikal dari cerpen ke novel; lebih daripada itu yang merentas persekitaran dan akar tradisi Melayu-Islamnya.

Tuan Rusmawati Raja Hassan

BAB 1

TRADISI KESUSASTERAAN MELAYU

Perkembangan awal kesusasteraan Melayu dipercayai sebagai dasar pembentukan kepengarangan Melayu (Ismail Yusoff, 2008: 2). Dikatakan bahawa kesusasteraan Melayu lama merupakan *worldview* atau lambang peribadi masyarakat Melayu. Kesusasteraan Melayu lama wujud dalam pelbagai bentuk antaranya sastera rakyat, puisi Melayu lama, cerita berbingkai, sastera sejarah, sastera ketatanegaraan dan sastera undang-undang. Kesusasteraan pada waktu itu memperlihatkan pertukaran konsep seiring dengan peralihan zaman. Sering kali ditemukan sastera saduran dan terjemahan daripada sastera luar dalam syair dan cerita penglipur lara misalnya. Melaluinya dikesani beberapa proses kreativiti Melayu yang rencam.

Kemunculan tulisan-tulisan Abdullah Munsyi seperti *Hikayat Abdullah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan* pada kurun ke-19 dikonotasikan sebagai mengubah kesusasteraan Melayu lama (feudal) kepada bentuk baharu (moden). Hal ini diakui oleh Ismail Hussein, bahawa tulisan Abdullah Munsyi dilihat melanggar dan menghindari tradisi penulisan kesusasteraan Melayu lama. Sehubungan dengan itu, beliau diangkat sebagai pengarang Melayu pertama yang membawa unsur kritik dalam karya kesusasteraan Melayu seperti yang ditemukan dalam dua karya berkenaan. Tulisan ini rata-rata merupakan titik tolak kepada pemisahan antara kesusasteraan Melayu lama dengan kesusasteraan Melayu baharu.